

GARIS PANDUAN PEMBERIAN SURAT JAMINAN KEPADA PELAJAR UNIVERSITI MALAYA (KEMASKINI MAC 2024)

SURAT JAMINAN KLINIK KESIHATAN UNIVERSITI MALAYA

Setiap pelajar yang mendaftar sebagai pelajar Universiti Malaya adalah perlu membuat pemeriksaan perubatan di Klinik Universiti Malaya atau di mana-mana Hospital/Klinik Kerajaan/Swasta (tertakluk kepada hebahan maklumat pemeriksaan pelajar baharu UM). Laporan Pemeriksaan Perubatan hendaklah lengkap dan perlu dikemukakan kepada Klinik Universiti Malaya bagi yang membuat pemeriksaan di Hospital/Klinik Kerajaan/Swasta.

Mana-mana pelajar yang tidak membuat Pemeriksaan Perubatan atau tidak menyerahkan Laporan Pemeriksaan Perubatan atau tidak membayar yuran kesihatan adalah **TIDAK LAYAK** untuk mendapat sebarang kemudahan Kesihatan di Klinik Universiti Malaya.

UMUM

1. Surat Jaminan adalah dokumen terkawal yang mengesahkan bahawa pelajar yang namanya tertera pada dokumen tersebut adalah pelajar berdaftar di Universiti Malaya. Pelajar tersebut adalah layak untuk mendapat perkhidmatan seperti yang dicatat di dalam dokumen dan segala pembayaran akan ditanggung oleh pihak universiti.
2. Surat Jaminan hanya boleh digunakan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Semua Hospital Kerajaan, Hospital Pengajar dan Institut Jantung Negara (IJN).
3. Semua pelajar **DIWAJIBKAN** untuk mendapatkan rawatan di Klinik Universiti Malaya terlebih dahulu dan akan dirujuk ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) atau Hospital Kerajaan jika perlu. Surat rujukan dari Klinik/Hospital lain adalah tidak boleh diterima pakai untuk pengeluaran Surat Jaminan.

SURAT JAMINAN

1. Surat Jaminan hanya boleh diperolehi di Klinik Malaya dan dikeluarkan oleh Pegawai Perubatan.
2. Surat Jaminan akan dikeluarkan atas nama pelajar dan Surat Jaminan ini perlu diserahkan kepada pihak-pihak tertentu di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) atau Hospital Kerajaan bagi tujuan pembayaran, rujukan atau rawatan susulan.
3. Tempoh sah laku Surat Jaminan adalah dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh Surat Jaminan dikeluarkan.
4. Surat Jaminan tidak sah untuk sebarang rawatan sebelum tarikh Surat Jaminan dikeluarkan (back-dated treatment) kecuali bagi kes kecemasan.
5. Mana-mana pelajar yang mendapatkan rawatan atau dimasukkan ke wad di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) atau Hospital Kerajaan tanpa Surat Jaminan daripada Klinik Universiti Malaya, sebarang kos yang dikenakan tidak akan ditanggung oleh Pihak Universiti.

SURAT JAMINAN UNTUK TUJUAN RAWATAN SUSULAN (FOLLOW-UP)

1. Semua pelajar wajib mendapatkan Surat Jaminan terlebih dahulu sebelum tarikh rawatan susulan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) atau Hospital Kerajaan dalam tempoh satu (1) minggu sebelum tarikh temu janji.
2. Pelajar perlu mengemukakan kad temu janji kepada jururawat bertugas di Klinik Kesihatan Universiti Malaya untuk mendapatkan Surat Jaminan bagi tujuan rawatan susulan.

SURAT JAMINAN UNTUK KES KECEMASAN

1. Pelajar boleh mendapat rawatan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) atau Hospital Kerajaan yang lain selepas waktu operasi klinik bagi kes-kes kecemasan atau kemasukan ke wad.

2. Ahli keluarga, sahabat pelajar atau staf Kolej Kediaman boleh mendapatkan Surat Jaminan di Klinik Universiti Malaya dengan mengemukakan kad hospital atau sebarang dokumen pengesahan jika pelajar dimasukkan ke wad.
3. Surat Jaminan boleh diperolehi pada hari bekerja berikutnya untuk pembayaran inbois jika berlaku kes kecemasan atau kemasukan ke wad.
4. Pelajar perlu mengemukakan surat inbois dengan kadar segera ke Klinik Universiti Malaya bagi urusan pembayaran dalam tempoh Empat Belas (14) Hari daripada tarikh surat inbois dikeluarkan. Pihak Klinik akan menguruskan bayaran tersebut kepada pihak Kewangan PPUM atau Hospital Kerajaan.

TUNTUTAN BAYARAN BALIK

1. Mana-mana pelajar yang mendapat perkhidmatan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) atau Hospital Kerajaan yang lain semasa kecemasan, sebarang bayaran yang telah dibayar boleh dituntut semula dengan pelajar sendiri mengemukakan resit asal pembayaran kepada staf bertugas di Klinik Universiti Malaya.
2. Sebarang bayaran untuk perkhidmatan rawatan yang diperolehi di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) atau Hospital Kerajaan yang lain bagi kes bukan kecemasan atau pada waktu operasi Klinik Universiti Malaya tidak boleh dituntut dan tidak akan dilayan.

KEGAGALAN PELAJAR MENDAPATKAN SURAT JAMINAN


1. Kegagalan pelajar untuk mendapatkan Surat Jaminan menyebabkan sebarang kos yang dikenakan ke atas pelajar tidak akan ditanggung oleh pihak Universiti.

KOS PERBELANJAAN YANG TIDAK DITANGGUNG DI KLINIK UNIVERSITI MALAYA ADALAH SEPERTI BERIKUT:

1. Kos bagi pemeriksaan dan rawatan kehamilan dan komplikasinya, rawatan bersalin, pemeriksaan kemandulan dan perancang keluarga.
2. Kos bagi rawatan dan pembedahan kosmetik atau estetik.
3. Kos bagi pemindahan organ, pemindahan *bone marrow* atau rawatan dialisis.

4. Kos bagi pembelian gigi palsu, pendakap gigi, alat dengar, kerusi roda, tuap, tongkat ketiak, crutches dan alat-alat khas ortopedik.
5. Kos rawatan dan kemasukan ke Hospital bagi kes perubatan, pembedahan atau pergigian yang berlaku di luar negara.
6. Kos bagi pengambilan ubat-ubatan khas iaitu ubat yang perlu dibeli di farmasi luar contoh Farmasi PharmaUMMC atau lain-lain Farmasi.
7. Kos bagi pembelian ubat-ubatan yang memerlukan sebut harga khas contoh pembelian ubat-ubatan HIV, Psikiatri, Hepatitis dan lain-lain ubat yang berkaitan.
8. Kos bagi rawatan atau prosedur yang memerlukan sebut harga khas contoh rawatan kemoterapi.
9. Kos yang melibatkan pemeriksaan, rawatan dan ujian makmal bagi tujuan penyelidikan.
10. Kos untuk pemeriksaan CT scan atau MRI scan di CIGMIT PPUM.

Disediakan Oleh:



Encik Muhammad Syauqi Bakhtier
Pembantu Tadbir Kewangan
Klinik Universiti Malaya

Disemak oleh :



Dr. Zuraidah Mohamed
Pengarah
Klinik Universiti Malaya

Tarikh Kemaskini: 1 Mac 2024